

BAB 111

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini terdapat beberapa perkara yang dibincangkan adalah rekabentuk kajian, populasi dan saiz sampel, instrumen kajian, kajian rintis, pentadbiran soalselidik dan prosedur penganalisaan data.

3.1 Rekabentuk kajian


Kajian ini berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk melihat tahap keimbangan dan punca-punca keimbangan di kalangan pelajar remaja

sekolah berdasarkan pembolehubah yang dikaji iaitu jantina, etnik dan pendapatan keluarga.

Sekolah yang dipilih untuk kajian ini adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 5 Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

Kajian dirancang seperti kerangka konsep pada Rajah 3.1.

RAJAH 3.1: Rajah Kerangka Konseptual



Berdasarkan Rajah 3.1 objektif kajian adalah mengkaji tahap kebimbangan, punca kebimbangan dan perbezaan tahap dan punca kebimbangan berdasarkan pembolehubah bebas jantina, bangsa dan status ekonomi. Punca kebimbangan di kategorikan kepada 11 kategori iaitu kesihatan dan perkembangan, kewangan, kehidupan dan sosial, hiburan dan sosial, pergaulan muda mudi, hubungan sosial psikologikal, hubungan personal psikologikal, faktor akhlak dan agama, rumahtangga dan keluarga, pelajaran dan kerjaya masa depan, penyesuaian terhadap kerja sekolah dan kurikulum dan kaedah pengajaran.

3.2 Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini ialah pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah harian di Kuala Lumpur. Sekolah yang dipilih ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 5, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur yang mempunyai seramai 300 orang pelajar tingkatan 4 terdiri dari tiga bangsa yang terbesar di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India.

Formula yang di pakai oleh bahagian Penyelidikan 'National Education Association' seperti yang dilaporkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan untuk menentukan saiz sampel kajian.

Formula yang digunakan adalah seperti berikut;

$$s = \chi^2 NP(1-P) + d(N-1) + \chi^2 P(1-P)$$

di mana;

s = saiz sampel yang diperlukan

χ^2 = nilai Chi-Square pada 1 darjah kebebasan pada aras keyakinan yang diperlukan 0.05 (3.841).

N = saiz populasi

P = Nisbah populasi (dianggarkan sebagai 0.50 untuk memberi saiz sampel yang maksimum).

d = darjah ketepatan dinyatakan sebagai nisbah 0.05.

Oleh itu berdasarkan formula ini saiz sampel yang diperlukan adalah dikira atau ditetapkan seperti berikut;

$$S = \chi^2 NP(1-P) + d(N-1) + \chi^2 P(1-P)$$

$$= \frac{3.841 \times 300 \times 0.5(1-0.5)}{0.05^2 (300-1) + 3.841 \times 0.5 (1-0.5)}$$

$$= \frac{300}{1.834}$$

$$= 160 \text{ orang}$$

Sekolah ini dipilih kerana ia merupakan sekolah harian yang terletak di Bandar Kuala Lumpur. Pelajar-pelajarnya juga terdiri dari ketiga-tiga bangsa yang utama yang bilangan jumlahnya hampir sama. Mereka juga terdiri dari berbagai latar belakang sosio-ekonomi yang ketara perbezaannya. Pemilihan

sampel juga dibuat secara rawak berstrata (stratified random sampling) yang mengambil kira faktor jantina.

3.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina berpandukan senarai Semak Masalah Mooney (1983). Alat ukuran ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A berkaitan dengan butir-butir peribadi dan bahagian B yang mengandungi 152 item untuk mengukur tahap dan punca-punca keimbangan. Item-item dibahagikan kepada sebelas kategori punca keimbangan seperti di dalam Senarai Semak Masalah Mooney.

Senarai semak masalah Mooney telah digunakan sebagai panduan kerana ia telah digunakan dengan meluas di seluruh dunia. Di Malaysia juga MPCL telah digunakan oleh ramai pengkaji (Rohana 1974, Chiam 1977; Wang, 1980).

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi 9 item bagi mendapatkan maklumat tentang latar belakang responden.

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi 152 item untuk mendapatkan maklumat punca kebimbangan dari sebelas aspek iaitu kesihatan dan perkembangan jasmani, kewangan, kehidupan dan sosial, hiburan dan sosial, pergaulan muda mudi, hubungan sosial, hubungan personal, faktor akhlak dan agama, rumahtangga dan keluarga, pelajaran dan kerjaya masa depan, dan kurikulum dan kaedah pengajaran. Analisa soalan adalah seperti dalam jadual 3.1

JADUAL 3.1: Kategori Punca Kebimbangan

Bil.	Kategori punca kebimbangan	Susunan item
1.	Kesihatan dan perkembangan jasmani	1 – 9, 80 - 81
2.	Kewangan, kehidupan dan sosial	9 – 15, 82 - 88
3.	Hiburan dan sosial	16 – 21, 89 - 96
4.	Pergaulan muda mudi	22 – 27, 97 - 103
5.	Hubungan sosial psikologikal	28 – 33, 104 - 110
6.	Hubungan personal psikologikal	34 – 41, 111 - 117
7.	Faktor akhlak dan agama	42 – 47, 118 - 125
8.	Rumahtangga dan keluarga	48 – 56, 126 - 133
9.	Pelajaran dan kerjaya masa depan	57 – 62, 134 - 139
10.	Penyesuaian terhadap kerja sekolah	63 – 71, 140 - 145
11.	Kurikulum dan kaedah pengajaran	72 – 79, 146 - 152

3.4 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan pada 20 Januari 2000 ke atas 40 orang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Segambut Jaya, Kuala Lumpur. Data kajian rintis ini telah diproses dengan komputer menggunakan 'Statistical Package For The Social Sciences' (SPSS-pc) melalui analisis "item correlation", dan "reliability" bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Item yang tidak menunjukkan kolerasi yang signifikan dan nilai kolerasi (r) yang kurang daripada 0.30 (Abu Bakar, 1987) digugurkan. Bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan soal selidik, kaedah Cronbach Alfa telah digunakan. Indeks kebolehpercayaan yang paling minima bagi penggunaan soal selidik ini ialah 0.6 (Mohd. Majid, 1990). Jadual 3.2 menunjukkan nilai alpha Crobach yang didapati.

JADUAL 3.2: Nilai Alpha Faktor keimbangan

Bilangan	Faktor Kebimbangan	Nilai Alpha Crobach
1.	Kesihatan dan perkembangan jasmani	0.75
2.	Kewangan, kehidupan dan sosial	0.76
3.	Hiburan dan sosial	0.68
4.	Pergaulan muda mudi	0.72
5.	Hubungan sosial psikologikal	0.69
6.	Hubungan personal psikologikal	0.78
7.	Faktor akhlak dan agama	0.86
8.	Rumahtangga dan keluarga	0.82
9.	Pelajaran dan kerjaya masa depan	0.79
10.	Penyesuaian terhadap kerja sekolah	0.67
11.	Kurikulum dan kaedah pengajaran	0.82

Nilai kolerasi koeffisien bagi setiap item dengan konstruk atau faktor berkenaan yang diperlukan dari kajian rintis adalah signifikan dan melebihi 0.30. Ini selaras dengan pandangan Abu Bakar (1987) bahawa nilai kolerasi koeffisien minimum yang diterima ialah 0.30. Ini menunjukkan bahawa item-item yang dibina adalah mempunyai kesahan dan mampu memberi gambaran yang sebenar.

3.5 Pentadbiran Soal Selidik.

Sebelum proses pentadbiran soalselidik dijalankan, kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia telah diperolehi untuk menjalankan kajian di sekolah yang dimaksudkan. Kerjasama dari pengetua, guru dan kaunselor sekolah yang terlibat juga telah diminta. Seterusnya bagi memudahkan urusan pengedaran borang soal selidik, penyelidik menguruskan sendiri kaedah pengagihan kertas soal selidik kepada pelajar dan mentadbirkan ujian sehingga tamat. Dengan cara ini penyelidik dapat memastikan pelajar-pelajar tersebut dapat menerima arahan dengan jelas.

3.6 Kaedah Analisis Data

Data mentah yang dikumpul dianalisa dengan menggunakan program SPSS-pc. Data yang terkumpul disusun mengikut etnik, jantina dan status sosioekonomi. Dengan menggunakan program SPSS, data-data diproses untuk

mencari min, varian, sisihan lazim, sisihan piaawai, ujian-t, ANOVA, peratusan dan lain-lain maklumat.

Data dari bahagian B iaitu senarai daftar istilah yang menunjukkan punca kebimbangan disusun berdasarkan pemarkahan skala likert seperti berikut:

1 = Sangat Tidak Bimbang

2 = Tidak Bimbang

3 = Kadang-kadang Bimbang

4 = Bimbang

5 = Sangat Bimbang

Sebanyak 152 item disenaraikan untuk mendapatkan maklumat tentang tahap dan punca kebimbangan pelajar.

Kajian ini menggunakan interpretasi skor min (jadual 3.3) untuk menentukan tahap kebimbangan pelajar.

JADUAL 3.3: Skala tahap kebimbangan

1.00	-	1.33	Rendah
2.34	-	3.66	Sederhana
3.66	-	5.0	Tinggi

Untuk tujuan penganalisaan data, statistik deskriptif digunakan untuk mencari min, sisihan lazim dan peratus. Manakala statistik inferensi yang digunakan ialah Ujian-t untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian.